

Penilaian Faktor Pendorong Individu Tani Mengamalkan Penanaman Padi

Shahrizah Abdul Hamid (P75226), Chamhuri Siwar dan Rospidah Ghazali

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: csiwar@ukm.edu.my

Sektor penanaman padi di Malaysia telah menjadi agenda penting dalam menjamin sumber bekalan makanan. Sektor ini menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk terutamanya di luar bandar dengan memberi pulangan pendapatan kepada golongan petani. Seiring dengan halatuju perkembangan penanaman padi, kerajaan telah mensasarkan pengeluaran komoditi beras pada kadar 100 peratus tahap sara diri seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. **Penyataan Masalah:** Berdepan dengan kos sara hidup dan kos pengeluaran padi yang semakin meningkat, golongan petani menghadapi kesukaran dalam meneruskan aktiviti penanaman padi disebabkan oleh ketidaktentuan hasil padi, perubahan cuaca dan sebagainya. **Objektif:** Justeru, kertas ini menggariskan faktor yang mendorong petani padi untuk menjalankan aktiviti penanaman di sawah mereka. **Metodologi:** Faktor-faktor seperti Ekonomi/Kewangan, Sosial, Alam Sekitar, Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku merupakan pembolehubah peramal yang dianalisis dalam menentukan penyebab petani meneruskan aktiviti penanaman padi yang mereka jalankan. Dua kaedah penanaman padi iaitu agroekologi dan konvensional dijadikan sebagai pembolehubah bersandar bagi menyokong pembolehubah peramal tersebut. Kedua-dua pembolehubah ini dianalisis menggunakan ujian Regresi Logistik. **Hasil:** Keputusan Regresi Logistik menunjukkan bahawa secara signifikan terdapat dua pembolehubah peramal kepada pembolehubah bersandar, iaitu Sikap dan Ekonomi/Kewangan. Secara signifikan ($\chi^2=52.54$, $p<0.05$), pembolehubah peramal Sikap meramalkan sebanyak 52.6 peratus varians dalam pembolehubah bersandar Kaedah Penanaman. Ini bermaksud Sikap merupakan faktor utama yang mendorong petani untuk meneruskan aktiviti penanaman padi menggunakan kaedah yang dipilih. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa kombinasi Sikap dan Ekonomi/Kewangan secara signifikan meramalkan sebanyak 89.7 peratus varians dalam pembolehubah bersandar Kaedah Penanaman. Secara keseluruhan, faktor Sikap dan Ekonomi/Kewangan merupakan pendorong utama untuk petani menjalankan aktiviti penanaman padi mereka, manakala faktor Sosial, Alam Sekitar, Pengetahuan dan Tingkah Laku bukanlah pendorong untuk petani menjalankan aktiviti penanaman padi di sawah mereka. **Kesimpulan:** Walaupun sikap dan ekonomi merupakan faktor yang menguatkan petani untuk meneruskan amalan penanaman padi yang dijalankan, namun aspek-aspek lain yang mencetuskan pengaruh pada sikap petani seperti suntikan semangat dan dorongan daripada pelbagai pihak harus dikaji agar golongan ini mampu memenuhi sasaran untuk membantu menyumbang kepada kelestarian sumber makanan negara.